



**THE 4TH ISDEV INTERNATIONAL ISLAMIC
DEVELOPMENT MANAGEMENT CONFERENCE
(IDMAC 2010)**

**ZAKAT TRANSFORMATION:
FROM SUBSISTENCE TO PRODUCTIVE**

11

**CADANGAN MELOKALISASIKAN
PENGAGIHAN ZAKAT DI MALAYSIA:
SATU KAJIAN EMPIRIK**

**Radiah Abdul Kader
Hairunnizam Wahid
Sanep Ahmad**

**University Conference Hall
Universiti Sains Malaysia
Penang, Malaysia
21st – 22nd December 2010**

Organized by
Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV)

CADANGAN MELOKALISASIKAN PENGAGIHAN ZAKAT DI MALAYSIA: SATU KAJIAN EMPIRIK¹.

Radiah Abdul Kader²

Phone: 603-7967 3654; Faks: 603-7956 7252; E-mail: radiah@um.edu.my

Hairunnizam Wahid³

Sanep Ahmad⁴

Phone: 603-8921 3453/5577; Faks: 603-8921 5789;

E-mail: hairun@ukm.my; nep@ukm.my

Abstrak

Kajian ini merupakan pembuktian secara empirik cadangan kajian Muhammad Syukri (2006) berkenaan cadangan pelaksanaan kaedah melokalisasikan zakat (*localization of zakat*) sebagai satu alternatif penyelesaian kepada permasalahan pengagihan zakat di Malaysia. Kaedah lokalisasi melibatkan proses desentralisasi kuasa mengagih dan memungut zakat dan dilaksanakan oleh amil dan kakitangan institusi zakat di mukim tertentu kepada asnaf di mukim tersebut. Sejauh manakah cadangan ini dapat diterima oleh institusi zakat adalah bergantung pada persepsi golongan fakir miskin sebagai penerima akhir perkhidmatan zakat (*the end user*) dan amil sebagai pelaksana perkhidmatan zakat (*the implementer*) kerana kedua-dua kumpulan responden ini merupakan agen utama (*grassroots*) dalam sistem zakat. Namun begitu cadangan konsep lokalisasi sebagai penyelesaian kepada masalah pengagihan zakat perlu dilihat kepada dimensi yang bersifat makro dan menyeluruh. Beberapa pemboleh ubah telah dianalisis; kepercayaan kepada institusi agama termasuklah institusi zakat dan baitulmal (input), persepsi terhadap kaedah pengagihan zakat oleh institusi zakat (proses) dan keberkesanan pengagihan zakat kepada asnaf (output) iaitu tahap semasa kualiti hidup asnaf serta sikap mereka ingin keluar daripada belenggu kemiskinan. Teknik model persamaan berstruktur (SEM) telah digunakan kerana kesemua pemboleh ubah yang dikaji merupakan pemboleh ubah pendam (*latent*). Beberapa ujian telah dilakukan seperti CFI, NFI, TLI, RAMSEA dan sebagainya bertujuan mengukur tahap kebagusan penyuaian (*goodness of fit*) model yang diuji. Hasil kajian mendapati kesemua pemboleh ubah adalah berhubungan secara signifikan antara satu sama lain bagi kes amil dan penerima zakat. Beberapa implikasi dasar dan cadangan turut dibincangkan dalam kajian ini.

Kata Kunci: Pengagihan Zakat, Lokalisasi, model persamaan berstruktur

¹ Merupakan kajian rintis Penyelidikan di bawah geran UKM-GUP-JKKBG-08-03-009 dan cadangan tesis PhD UM

² Profesor Madya (PhD) Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran UM

³ Pensyarah, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM. Calon PhD Ekonomi UM

⁴ Profesor Madya (PhD) Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM

PENGENALAN

Zakat merupakan antara sumber kewangan Islam dan instrumen dasar fiskal yang penting. Zakat sebenarnya meliputi aspek moral, sosial, ekonomi dan sebagainya. Antara objektifnya ialah memastikan pertumbuhan ekonomi adalah konsisten dengan pengoptimuman penggunaan sumber seperti sumber asli, manusia dan kebendaan dan memastikan pengagihan yang adil dalam aspek pendapatan dan kekayaan (Sadeq, 1988). Pada surah *al-Taubah* ayat 60, Allah S.W.T telah menjelaskan kelompok-kelompok yang berhak menerima zakat iaitu melalui firmanNya yang bermaksud,

Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dijinakkan hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana (Surah 9; ayat 60)

Tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Ayat al-Quran Surah 9, ayat 60 juga menunjukkan pengagihan zakat amat penting memandangkan penegasan dan penjelasan yang nyata dalam pengagihan zakat.

Jika dilihat daripada sejarah pada zaman Rasulullah s.a.w, kutipan dan pengagihan zakat secara prinsipnya dilaksanakan dalam lokaliti yang sama, bermaksud zakat dikutip dan diagihkan juga di kawasan yang sama dan tiada lebih zakat di bawa kepada kerajaan pusat. Menurut Khaf (1999; h.17), tiada fakta atau laporan menunjukkan lebih dana atau zakat diagihkan ke kawasan yang lain ketika zaman Rasulullah s.a.w. Pada zaman tersebut, Rasulullah s.a.w sebagai ketua negara di Madinah yang pada ketika itu merupakan satu kerajaan yang kecil telah menggunakan khidmat amil untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Malah pada ketika itu, terdapat ramai tenaga manusia (*manpower*) bersifat sukarela berkhidmat dan sumbangan kewangan oleh masyarakat adalah sangat baik kerana masyarakat Islam pada ketika itu sangat tinggi kepercayaan dan keimanannya. Ini menjadikan sistem zakat pada zaman tersebut sangat berjaya dan berkesan (Khaf, 1999; h.4).

Adakah konsep lokalisasi perlu dilaksanakan pada masa kini untuk penambahbaikan lagi sistem pengurusan zakat? Muhammad Syukri (2006) contohnya telah mencadangkan satu cadangan teoretis lokalisasi zakat dilaksanakan di Malaysia. Ini berikutan kewujudan masalah yang dikatakan *belum selesai* oleh institusi zakat dalam mengagihkan zakat. Hujah beliau adalah berdasarkan fenomena jumlah lebih zakat yang tidak diagihkan setiap tahun oleh kebanyakan negeri di Malaysia (Muhammad Syukri, 2006; h. 215 dan Hairunnizam et. al, 2010; h.151). Menurut Muhammad Syukri (2006), kewujudan fenomena ini antaranya adalah wujudnya jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dengan asnaf. Pihak pengurusan zakat dikatakan tidak dapat mengenal pasti asnaf secara tepat terutamanya fakir dan miskin. Ini adalah kerana terlalu luasnya kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada sesuatu pusat pengurusan zakat. Semakin besar kawasan dipertanggungjawabkan, semakin luaslah jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dengan pembayar zakat. Fenomena ini menjadi semakin bermasalah sekiranya pengurusan zakat sendiri diurus secara

berpusat (*centralization*) di peringkat negeri. (Muhammad Syukri, 2006; h.219). Menurut Muhammad Syukri (2006) lagi, cadangan terhadap kaedah lokalisasi zakat ini boleh dilandaskan kepada hujah dan nas-nas yang telah dikemukakan oleh Qardawi (1996: h.798-802) di mana menurutnya para penguasa perlu membahagikan zakat ke daerah mana zakat itu dipungut, khususnya bagi zakat ternakan, tanam-tanaman dan buah-buahan. Menurut beliau lagi, para ulama juga bersepakat bahawa zakat fitrah juga mesti dibahagikan di tempat orang yang wajib mengeluarkan zakat fitrah itu berada.

Menurut Muhammad Syukri (2006), penyelesaian kepada masalah ini ialah mengecilkan kawasan tanggungjawab dan mengendurkan pemusatan tersebut dan ia dinamakan kaedah lokalisasi zakat (*localization of zakat*). Kaedah ini melibatkan proses desentralisasi kuasa di mana pusat pengurusan zakat perlu mengagihkan kuasa memungut dan mengagih zakat kepada kakitangan di lokaliti tempatan seperti daerah, mukim kampung atau kariah. Kaedah ini dijangka akan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan zakat di lokaliti tersebut. Isu lokalisasi sebenarnya telah banyak dibincangkan dalam aspek federalism fiskal, di mana ia dikenali sebagai proses desentralisasi kuasa pengagihan cukai kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Banyak pengkaji bersetuju, proses desentralisasi pengagihan ini akan meningkatkan kecekapan dan keefisienan dalam pengurusan cukai kepada pembayar cukai di lokaliti tertentu dan penduduk penempatan tertentu yang akhirnya menawarkan barangan dan perkhidmatan tertentu (Tiebout, 1956; and Oates, 1972; Breton, 2002; Larson, 2002; Henandez-Trillo & Jarillo-Rabling, 2008) termasuklah juga kajian keberkesanan proses desentralisasi kepada kumpulan miskin (Alderman, 2002; Faguet, 2004; Ajwad & Wodon, 2007). Banyak pengkaji telah mengutarakan kelebihan proses desentralisasi fiskal seperti pegawai yang lebih dipercayai, akauntabiliti dan transparensi (Manor, 1999; Braun & Grote, 2002; Tugrul and Shah, 2002; dan Crook, 2003), hubungan rapat antara pegawai dan penduduk tempatan serta mudah menyuarakan pandangan dan meningkatkan penyertaan penduduk (Abdul Aziz, 1993; Alatas et al, 2003; Shah & Thompson, 2004; Muhammad Syukri, 2006 dan Sharma, 2009), bertanggungjawab dan respons yang segera terhadap keperluan penduduk setempat (Oates, 1972; Khaf, 1995a; dan Faguet, 2004), mengurangkan ketakseimbangan pertumbuhan ekonomi antara kawasan dan wilayah (Crook and Manor, 2000; Abdul Aziz, 1993; dan Hankla, 2008).

Namun cadangan konsep lokalisasi sebagai alternatif penyelesaian masalah semasa pengagihan zakat perlu dilihat secara makro dan menyeluruh. Kajian ini melihat lokalisasi sebagai komponen terakhir iaitu cadangan penyelesaian masalah selepas melalui komponen input, komponen proses dan komponen output iaitu satu proses yang diadaptasi daripada proses kualiti pengurusan menyeluruh (*total quality management-TQM*)(lihat Rajah 1). Ini menunjukkan kualiti sesuatu output perlu bermula dengan proses yang berkualiti dan proses yang berkualiti bergantung kepada input yang berkualiti. Jika dikaitkan sistem pengurusan zakat, penyelesaian lokalisasi tidak akan berjaya sekiranya kesemua komponen input, proses dan ouput itu sendiri bermasalah. Justeru kajian ini melihat hubungkait antara kesemua komponen dalam satu sistem pengurusan menyeluruh termasuklah cadangan lokalisasi pengagihan zakat.

KAJIAN LEPAS

Kajian zakat sebelum ini banyak menumpukan kepada aspek kutipan zakat iaitu apakah kaedah dan strategi meningkatkan kutipan zakat. Antara cadangan yang telah dicadangkan ialah meningkatkan kesedaran membayar zakat di kalangan masyarakat termasuklah kumpulan pekerja profesional (Mohd Ali et.al, 2004), meningkatkan kesedaran membayar

zakat ke atas harta (Hairunnizam et. al, 2005), meningkatkan prestasi kutipan zakat oleh institusi zakat melalui proses pengkorporatan institusi (Nor Ghani et. al, 2001; Sanep dan Hairunnizam, 2005a; Sanep et.al, 2006), kesedaran masyarakat terhadap pembayaran harta yang *diikhtilaf* (Sanep dan Hairunnizam, 2005b; dan Sanep dan Hairunnizam, 2005c) dan juga meningkatkan kutipan zakat melalui zakat pendapatan dan skim potongan gaji kakitangan (Hairunnizam et. al, 2007). Kajian-kajian tersebut antaranya bertujuan meningkatkan kesedaran membayar zakat yang akhirnya akan menyebabkan jumlah kutipan zakat terus meningkat dari tahun ke tahun dan peningkatan jumlah ini akan meningkatkan lagi jumlah pengagihan zakat kepada asnaf zakat. Jika jumlah kutipan meningkat, amaun zakat yang diagihkan kepada fakir miskin akan meningkat dan ini akhirnya akan memberi kesan positif kepada asnaf zakat dalam aspek ekonomi seperti peningkatan jumlah bantuan dan jenis bantuan zakat, peningkatan jenis dan jumlah bantuan modal kepada asnaf yang memungkinkan mengeluarkan asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin dari belunggu kemiskinan (Chapra, 1992) atau sekurang-kurangnya secara relatif dapat meningkatkan kualiti hidup asnaf (Hairunnizam et.al, 2004).

Amat membanggakan situasi semasa menunjukkan jumlah kutipan zakat setiap tahun terus meningkat. Jumlah kutipan zakat telah meningkat menggambarkan strategi kutipan oleh pusat zakat telah menunjukkan satu kejayaan. Oleh itu mungkin dapat disimpulkan bahawa aspek kutipan zakat bukan lagi menjadi masalah utama kepada pusat zakat. Membayar zakat telah menjadi satu budaya murni yang tersemat di kalangan masyarakat Islam. Namun begitu terdapat beberapa kajian semasa yang mendapati permasalahan zakat masa kini adalah melibatkan aspek pengagihan zakat. Kebanyakan masalah pengagihan ini dapat dikesan oleh pembayar zakat yang merupakan antara agen utama dalam sistem zakat. Kajian terhadap pembayar ini menunjukkan mereka masih lagi kurang berpuas hati dalam aspek pengagihan zakat oleh institusi zakat (Mohd Dahan, 1998; Muhammad Syukri, 2006; Sanep et.al, 2006; Hairunnizam et. al, 2009; Hairunnizam et.al, 2010a) termasuklah pembayar zakat di kalangan kumpulan akademik (Anuar Muhamad, 2008).

Kajian-kajian ini mendapati sekiranya institusi zakat tidak memberi perhatian sepenuhnya, ia akan mewujudkan beberapa isu yang lain seperti membayar zakat kepada asnaf secara tidak formal atau secara langsung dan terus kepada asnaf zakat (Aidit, 1998; Muhammad Syukri, 2006; Sanep et. al 2006 dan Hairunnizam et.al 2009). Walaupun bagi sesetengah pendapat *fuqaha'* tindakan ini adalah diharuskan, namun ia akan menimbulkan isu yang lain seperti pengagihan zakat hanya tertumpu pada asnaf fakir dan miskin sahaja dan mengabaikan enam lagi asnaf yang lain disebabkan masalah kekurangan maklumat. Ini kerana pembayar zakat tiada maklumat berkenaan asnaf selain asnaf fakir dan miskin. Tambahan lagi pembayaran zakat secara tidak formal akan menyebabkan sistem perekodan jumlah kutipan dan agihan zakat di setiap negeri tidak akan dinyatakan dalam laporan zakat yang bermungkinan akan menunjukkan jumlah kutipan zakat yang banyak jika diambil kira jumlah pembayaran zakat secara tidak formal.

Bagaimanakah strategi dan cadangan untuk mengatasi masalah ini? Antara cadangan yang perlu dipertimbangkan ialah kaedah lokalisasi zakat untuk mengatasi masalah ini (Abdul Aziz, 1993; Khaf, 1995a; dan Muhammad Syukri, 2006) kerana kebanyakan kajian telah menunjukkan kaedah ini telah dipraktikkan dengan jayanya di zaman Rasulullah s.a.w lagi dan semestinya ia mempunyai banyak kelebihan. Kajian ini dapat merumuskan dua aspek utama kelebihan kaedah lokalisasi ini. Pertamanya aspek Islam dan keduanya aspek ekonomi. Kajian Muhammad Syukri (2006) contohnya merupakan satu cadangan berdasarkan aspek Islam seperti yang telah dipraktikkan pada zaman Rasulullah s.a.w. Beliau telah

mencadangkan pelaksanaan kaedah lokalisasi zakat dalam aspek kutipan dan pengagihan di lokaliti berkenaan bersandarkan kepada beberapa hujah seperti yang dinyatakan oleh Qardawi (1996; h. 799-801). Menurut Muhammad Syukri (2006) lagi, beliau telah merumuskan hujah Qardawi (1996) iaitu semua kaum lebih berhak terhadap sedekahnya, sehingga mereka merasa berkecukupan dengannya. Beliau juga berpendapat orang tempatan lebih berhak ke atas zakat kerana untuk menghormati ketetanggaan, dan kerana dekatnya tempat tinggal mereka dengan tempat tinggal orang-orang kaya. Disamping itu juga sekiranya petugas tidak mengetahui sehingga ia membawa sedekah ke tempat lain, padahal penduduk asal memerlukannya, maka si penguasa harus mengembalikan kepada mereka, seperti yang dilakukan Umar bin Abdul Aziz, dan sebagaimana difatwakan oleh Said bin Jubair.

Dalam aspek ekonomi pula, perkataan lokalisasi dan desentralisasi sering digunakan dan ia mempunyai maksud yang sama (Shah dan Thompson, 2004; h.2). Ini adalah kerana lokalisasi bermaksud desentralisasi dalam membuat keputusan kepada pentadbiran peringkat tempatan dan boleh dicapai melalui desentralisasi politik, pentadbiran dan fiskal (Shah and Thompson, 2004). Ini bermaksud dalam konteks kajian ini, proses lokalisasi zakat adalah desentralisasi kuasa dalam membuat keputusan pengurusan zakat kepada peringkat tempatan (lokaliti) terutamanya dalam aspek politik, pentadbiran dan fiskal. Sebenarnya melalui proses desentralisasi, ia akan mengubah struktur pentadbiran dan akauntabiliti daripada peringkat pusat kepada peringkat tempatan dan melangkaui sempadan geografi untuk memudahkan pihak pentadbiran tempatan berinteraksi dengan masyarakat tempatan (Schnider 2003).

Kelebihan pelaksanaan konsep lokalisasi juga banyak dibincangkan dalam aspek ekonomi terutamanya dalam mempraktikkan tadbir urus yang baik (*good governance*) dalam sesebuah institusi dan banyak kajian menunjukkan konsep lokalisasi mempunyai banyak kelebihan. Pertamanya pegawai yang terlibat di peringkat tempatan adalah lebih dipercayai berbanding peringkat negeri. Ini kerana pihak pentadbiran lebih dekat dengan masyarakat setempat serta mendengar keluhan dan pandangan mereka. Pegawai tempatan lebih mudah dihubungi, mempunyai hubungan yang rapat serta mudah dilihat oleh masyarakat setempat (Shah and Thompson, 2004). Kesannya pegawai tempatan akan bertanggungjawab sepenuhnya tugas masing-masing terutamanya memenuhi keperluan masyarakat tempatan (Oates, 1972; Khaf, 1995a; and Faguet, 2004). Ini akhirnya akan meningkatkan akauntabiliti dan transparensi dalam pentadbiran (Tugrul dan Shah, 2002). Konsep lokalisasi juga akan meningkatkan kecekapan dan keefisienan pentadbiran. Ini kerana sumber dan kuasa pentadbiran telah dikecilkan ke peringkat tempatan (Faguet, 2000; Hankla, 2008). Kesannya dalam aspek pengurusan zakat, pengagihan dapat dilakukan dengan segera tanpa kelewatan masa (Nik Mustapha, 1991; Khaf, 1995a; dan Mujaini, 1995) seperti yang telah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w.

Tambahan lagi sekiranya amil mendapati di kawasan tersebut, kesemua asnaf telah menerima zakat dan wujud lebihan zakat di baitulmal, lebihan tersebut sepatutnya diagihkan ke kawasan yang mengalami defisit dalam pengagihan zakat (jumlah pengagihan lebih besar berbanding jumlah kutipan) seperti persetujuan oleh kebanyakan ulama' (lihat Qardawi, 1999; h. 513-517). Jika lebihan zakat dapat dipindahkan ke kawasan yang mengalami defisit, ia berkemungkinan dapat mengurangkan jurang ketidaksamaan ekonomi dan sosial antara kawasan dan negeri. Kebanyakan kajian bersetuju desentralisasi kepada pentadbiran tempatan dapat mengurangkan ketidaksamaan ekonomi dan sosial antara kawasan terutamanya di peringkat tempatan (Crook dan Manor, 2000; dan Hankla, 2008). Pentadbir tempatan juga dapat meningkatkan kualiti pentadbiran mereka sekiranya mereka dapat mengenal pasti keperluan masyarakat setempat terhadap perkhidmatan sesuatu barang atau perkhidmatan kerana pentadbiran pusat tidak mampu mengenal pasti sasaran barangan awam tertentu

kepada kawasan atau negeri yang berbeza. (Tiebout, 1956; Oates, 1972; dan Treisman 2007). Malah proses melalui desentralisasi, pegawai di peringkat lokal lebih mengetahui sosio-ekonomi penduduk di kawasan mereka terutamanya aspek pendapatn dan pelbagai sumber ekonomi yang lain dan ini akan memudahkan sebarang tindakan susulan terhadap dasar membasmi kemiskinan (Alderman, 2002). Ini disebabkan sosio-budaya yang berbeza antara negeri dan kawasan yang menyebabkan permintaan barangan adalah berbeza.

Oleh itu dalam aspek pengurusan zakat, amil tempatan lebih mudah mengenal pasti keperluan asnaf di kawasan masing-masing terutamanya keperluan oleh kumpulan fakir dan miskin dan berusaha meningkatkan tahap kehidupan mereka. Amil boleh mengetahui keperluan asnaf sekurang-kurang jumlah zakat yang diperlukan. Jumlah bantuan zakat untuk kawasan bandar adalah berbeza dengan luar bandar malahan di dalam bandar juga, kemungkinan bantuan zakat adalah tidak sama. Keperluan bantuan bulanan makanan juga tidak sama antara kawasan yang menyebabkan amil tempatan lah yang lebih arif berkenaan asnaf di kawasan masing-masing. Ini ditambah lagi dengan keperluan meningkatkan tahap ekonomi melalui keusahawanan yang telah dicadangkan oleh pusat zakat. Terdapat kemungkinan kegiatan ekonomi yang berbeza antara satu kawasan dan kawasan yang lain yang memerlukan kepakaran amil menentukan aktiviti ekonomi setempat. Ini ditambah lagi amil perlu memantau secara dekat kejayaan asnaf yang telah menerima bantuan modal. Ini memerlukan konsep lokalisasi dilaksanakan dan dipraktikkan di kawasan masing-masing.

Sejarah telah menunjukkan, konsep lokalisasi telah dilaksanakan di Malaysia sebelum zaman kolonial lagi. Muhammad Aziz (1993) contohnya telah menjelaskan mengikut sejarahnya pengurusan zakat sebelum zaman kolonial umumnya zakat telah dikutip dan diagihkan di peringkat kampung. Beliau berpendapat, desentralisasi pengurusan zakat adalah tidak bertentangan dengan syariat Islam malahan kaedah ini akan menjaga kepentingan golongan fakir dan miskin serta asnaf yang lain (Abdul Aziz, 1993; h.179). Terdapat beberapa kajian lain yang mencadangkan institusi zakat perlu diadakan sehingga di peringkat kampung, di dalam kawasan masyarakat Islam dan institusi masjid juga berperanan menjalankan tanggungjawab menguruskan zakat. Institusi masjid yang dicadangkan adalah masjid berstatus masjid *jami'* yang dapat menghimpunkan ramai masyarakat Islam pada satu-satu masa (Khaf, 1995b dan Zayas, 2003). Jika kaedah lokalisasi dilaksanakan, siapakah yang bertanggungjawab mengutip atau mengagihkan zakat tersebut? Sejarah juga telah menunjukkan pada zaman sebelum kolonial, para ustaz atau imam telah berperanan sebagai amil memandangkan masyarakat Islam amat menghormati dan mempercayai mereka dapat mengagihkan zakat secara adil (Abdul Wahab, 1995; dan Muhammad Aziz, 1993). Di negara muslim yang lain seperti Pakistan dan Kuwait, satu jawatankuasa diketuai oleh pemimpin agama diyakini dapat mengagihkan zakat terutamanya golongan fakir dan miskin (Khaf, 1995b dan Ajeel, 1995). Apabila masyarakat dapat menerima jawatankuasa ini atau kepercayaan kepada ustaz atau imam mengutip dan mengagihkan zakat, maka masyarakat Islam mungkin dapat bekerjasama secara aktif dalam sebarang kegiatan masyarakat terutamanya membantu masyarakat yang miskin dan membenters kemiskinan di kampung mereka (Alatas et.al, 2003).

METODOLOGI KAJIAN

Kutipan Data dan Pensampelan

Unit analisis kajian ini ialah amil iaitu melibatkan amil tetap dan amil sementara yang mengutip zakat fitrah khususnya di bulan Ramadan serta asnaf fakir dan miskin yang

menerima bantuan kewangan bulanan dan makanan bulanan mewakili sampel penerima zakat. Asnaf ini dipilih kerana ia mewakili asnaf zakat yang terbesar iaitu hampir 50 peratus berbanding asnaf yang lain (Hairunnizam et.al, 2010). Kajian ini tertumpu di negeri Selangor, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur, Melaka dan Terengganu. Kajian ini turut akan mengelaskan kategori institusi zakat seperti berikut; Selangor dan Pulau Pinang yang merupakan negeri yang telah mengkorporatkan institusi zakat dalam aspek kutipan dan pengagihan zakat; WP Kuala Lumpur dan Melaka yang telah mengkorporatkan institusi zakat dalam aspek kutipan zakat sahaja dan pengagihan masih di bawah pengurusan baitulmal negeri; Terengganu mewakili negeri yang pengurusan kutipan dan pengagihan zakat yang masih di bawah tanggungjawab baitulmal negeri. (Laporan Zakat 2008). Perbezaan struktur institusi pengurusan zakat antara kesemua negeri adalah dijangkakan memberikan hasil keputusan kajian yang seimbang untuk dianalisis.

Jadual 1: Responden Kajian

Negeri	Responden		Jumlah
	Amil	Asnaf	
Selangor	112 (33.73)	69 (12.78)	181 (20.76)
Pulau Pinang	51 (15.36)	101 (18.70)	152 (17.43)
Wilayah Persekutuan	68 (20.48)	130 (24.07)	198 (22.71)
Melaka	35 (10.54)	113 (20.96)	148 (16.97)
Terengganu	66 (19.88)	127 (23.52)	193 (22.13)
Jumlah	332 (100.00)	540 (100.00)	872 (100.00)

Nota : () peratusan daripada Jumlah keseluruhan

Rangka pensampelan responden kajian ini adalah terdiri daripada amil dan fakir dan miskin (mewakili penerima zakat) mengikut senarai nama terkini yang diberikan oleh institusi zakat negeri yang terlibat. Seramai 872 responden telah ditemu duga melibatkan seramai 332 amil dan 540 penerima zakat melibatkan beberapa negeri (lihat Jadual 1).

Jadual 2 : Kategori Institusi Zakat

Kategori institusi zakat	Responden		Jumlah
	Amil	Asnaf	
Korporat Sepenuhnya ¹	163 (49.09)	170 (31.48)	333 (38.19)
Korporat Sebahagian ²	103 (31.02)	243 (45.00)	346 (39.68)
Tidak Korporat ³	66 (19.88)	127 (23.52)	193 (22.13)
Jumlah	332 (100.00)	540 (100.00)	872 (100.00)

Nota: ¹ Selangor + Pulau Pinang ² WP Kuala Lumpur + Melaka ³ Terengganu
() peratusan daripada Jumlah keseluruhan

Dalam aspek kategori institusi zakat, hampir 39 peratus responden adalah terdiri dari negeri yang mengkororatkan sepenuhnya pengurusan zakat, 40 peratus yang mengkorporatkan kutipan zakat dan 22.13 peratus responden di negeri yang tidak mengkorporatkan pengurusan zakat.

Spesifikasi Model

Kajian ini cuba menganggar kebarangkalian kewujudan satu hubungan secara statistik antara beberapa konsep yang melibatkan gelagat dan persepsi pelaksana (amil) dan penerima akhir perkhidmatan zakat (golongan fakir dan miskin) dalam satu sistem zakat. Sistem zakat yang dicadangkan dalam kajian ini merupakan satu sistem yang amat luas, abstrak dan bersifat makro supaya sebarang masalah dan penyelesaian dalam sistem zakat dapat di atasi dengan pendekatan yang bersifat mikro dan makro.

Pelbagai konsep yang dikaji bermula dengan kepercayaan kepada institusi atau negara (*state*) sebagai input iaitu organisasi yang melaksanakan sesuatu objektif dan dasar sesebuah institusi dan negara, kemudiannya pelaksanaan sesuatu dasar yang merupakan proses melaksanakan sesuatu dasar yang boleh diukur antaranya kepada pencapaian objektif yang telah digariskan, diikuti kesan perlaksanaan sesuatu dasar kepada kumpulan sasaran iaitu merupakan output akhir kepada sistem ini. Akhirnya pengujian cadangan penambahbaikan kepada sistem zakat telah dilakukan iaitu konsep lokalisasi pengagihan zakat dan apakah kesannya kepada sistem zakat secara keseluruhan khususnya kepada kumpulan sasar iaitu golongan fakir dan miskin. Setiap pemboleh ubah dalam model adalah pembolehubah pendam dan akan diuji menggunakan model SEM seperti cadangan Bryne (2001). Definisi setiap pembolehubah adalah seperti berikut:

1. Kepercayaan kepada institusi

Persepsi terhadap pengurusan akan bermula dengan kepercayaan terhadap sesuatu institusi (Vigoda, 2006; dan Mikami & Inoguchi, 2008). Malah Vigoda (2006) berpendapat pembolehubah ini perlulah dikaji dalam setiap permulaan kajian yang berkait dengan kepercayaan kepada tadbir urus (*governance*) sesebuah institusi. Beberapa kajian membuktikan wujudnya hubungan yang positif antara kepercayaan dan persepsi masyarakat terhadap perkhidmatan yang diterima daripada institusi kerajaan (Van de Walle & Bouckaert, 2003; Vigoda & Yuval, 2003; Welch, 2005). Kepercayaan kepada institusi dalam kajian ini menekankan kepada ruang lingkup institusi Islam di Malaysia bermula daripada Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) hinggalah kepada institusi baitulmal negeri yang menguruskan zakat. Analisis CFA telah dilakukan untuk menentukan faktor penyumbang kepada pembolehubah institusi mencadangkan hanya tiga institusi dianalisis iaitu JAKIM, Majlis agama Islam Negeri (MAIN) dan baitulmal berdasarkan persepsi responden terhadap peranan dan pencapaian institusi tersebut dalam perkembangan Islam di Malaysia. Tiga skala likert digunakan iaitu tidak percaya, percaya dan sangat percaya terhadap institusi berkenaan melaksanakan tanggungjawab berkaiatan hal-ehwal Islam.

2. Proses pengagihan zakat oleh institusi zakat

Proses pengagihan dikaji memandangkan ia merupakan isu dan masalah semasa yang penting. Analisis CFA mencadangkan tiga faktor utama penyumbang kepada pembolehubah ini iaitu penyebaran maklumat berkenaan agihan oleh institusi zakat, persepsi terhadap birokrasi dalam proses permohonan zakat dan akhirnya jumlah bantuan atau amaun zakat yang diterima setiap bulan. Faktor ini konsisten dengan kajian Hairunnizam et.al (2009) dimana ketiga-tiga faktor ini adalah antara faktor ketidakpuasan hati pembayar zakat terhadap

kaedah pengagihan zakat. Tiga skala likert digunakan iaitu tidak puas hati, puas hati dan sangat puas hati terhadap kesemua faktor tersebut.

3. Kualiti hidup golongan fakir dan miskin.

Kesan pengurusan zakat akan terkesan kepada penerima zakat. Keberkesanan pengagihan zakat adalah membasmi kemiskinan, memperbaiki pertumbuhan ekonomi dan juga kualiti hidup. (Mannan, 2003; Wess, 2002; Hairunnizam et. al, 2004; Hassan & Khan, 2007). Kualiti hidup dalam kajian ini dipilih kerana ia merupakan output yang melibatkan beberapa kualiti hidup secara langsung kepada manusia. Kajian ini menggunakan beberapa tahap kualiti yang berkaitan dalam Laporan Kualiti Hidup (2002) dan dicadangkan melalui analisis CFA iaitu kualiti makanan dan pakaian, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, perumahan dan penyertaan sosial. Tiga skala likert telah digunakan dalam kajian ini untuk mengukur darjah kepuasan hati responden iaitu tidak puas hati, puas hati dan sangat puas hati. Akhirnya kualiti hidup keseluruhan responden telah diukur dengan mengira secara purata tahap kepuasan hati bagi setiap item kualiti hidup.

4. Sikap asnaf ingin perubahan hidup

Sikap asnaf dalam kajian ini menguji sejauhmanakah golongan sasaran ingin berubah sikap daripada status penerima kepada pembayar zakat. Ia merupakan satu percubaan awal menangkis tomanan masyarakat yang melebelkan kumpulan ini “miskin minda” iaitu selamalamanya tidak ingin berubah. Syed Husin (1978) mempertahankan golongan melayu miskin sebenarnya tidak miskin minda sekiranya pihak pemerintah memberikan tanah sebagai input untuk membangunkan ekonomi mereka. Ini bermakna golongan miskin bukanlah sebenarnya miskin minda tetapi tiada sumber ekonomi untuk membangunkan kehidupan mereka yang mengakibatkan mereka terperangkap dalam kemiskinan secara berterusan. Kajian ini menggunakan analisis CFA telah melihat kepada dua faktor penyumbang utama iaitu pertamanya sikap ingin berubah dan keduanya keinginan mereka secara khususnya memohon bantuan modal zakat sebagai satu sumber ekonomi untuk berubah menjadi usahawan. Kedua-dua item telah menggunakan dua skala iaitu Ya dan Tidak.

5. Cadangan lokalisasi pengagihan zakat.

Cadangan ini telah dibincangkan dengan panjang lebar di bahagian sebelumnya dimana ia merupakan cadangan secara teoritis Muhammad Syukri (2006). Tiga faktor utama telah dikenalpasti daripada analisis CFA iaitu perhubungan dan politik, kenalpasti asnaf dan transparansi dan akhirnya kepercayaan kepada institusi. Lima skala likert telah digunakan iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, sederhana, setuju dan sangat setuju. Nilai purata telah digunakan mewakili setiap faktor memandangkan setiap faktor dipengaruhi oleh tiga faktor lain (menggunakan pendekatan CFA peringkat kedua) seperti dalam kajian Radiah et. al. (2010).


Model

Seperti perbincangan sebelum ini, kajian ini menggunakan teknik SEM dan mengaplikasikan kajian Mikami dan Inoguchi (2008) seperti di Rajah 1. Hipotesis kajian turut dianalisis melihat hubungan antara kesemua pembolehubah. Anak panah \longrightarrow dan tanda + merujuk kepada jangkaan hubungan dan arah tuju sesuatu kesan. Lima komponen yang diuji ditunjukkan dalam bulatan bujur yang telah dikonseptualkan sebagai pembolehubah pendam yang diukur berdasarkan respon kepada beberapa indikator soalan dalam segi empat tepat (Lihat Rajah 1).

Analisis Data

Data kajian dianalisis bermula dengan beberapa langkah. Pertamanya analisis faktor telah dilakukan dengan menggunakan pendekatan EFA dan CFA untuk menguji kesahan (*validity*) setiap pemboleh ubah untuk membentuk dan memilih beberapa faktor yang mewakili pembolehubah pendam (*latent*). Kedua mengaplikasikan pemodelan persamaan berstruktur (*structural equation model-SEM*) dengan menggunakan perisian AMOS (Bryne, 2001). SEM merupakan satu teknik pengesahan bagi analisis data yang menjadi perhatian oleh para penyelidik pada masa kini (Hair *et al.*, 2006). Berbagai-bagai indeks kebagusuaian padanan (*goodness of fit*) digunakan bagi menilai padanan model yang dicadangkan dalam kajian dengan data. Literatur melaporkan terdapat beberapa indeks ukuran padanan yang selalu digunakan sebagai tanda aras dalam menentukan kebagusuaian padanan sesuatu model, antaranya *chi-square* (χ^2); *root mean-square error of approximation* (RMSEA) (Bollen, 1989; Browne & Cudeck, 1993; Hair *et al.*, 2006; Hu & Bentler, 1999), *The tucker-lewis index* (TLI) dan *normed fit index* (NFI) (Hair *et al.*, 2006; Hu & Bentler, 1999), dan *comparative fit index* CFI) dan *normed chi-square* (χ^2/df) (Hair *et al.*, 2006). Bagi memantapkan kedudukan konstruk dalam kajian ini, ujian kebolehppercayaan dan kesahan konstruk (*construct validity*) telah dilakukan. Kebolehppercayaan konstruk juga dilakukan berpandukan kebolehppercayaan komposit (*composite reliability*)(lihat Cornbach & Meehl, 1955; Bonett, 2002)

Kesahan konstruk pula melibatkan kesahan memusat (*convergent validity*) berdasarkan nilai *normed fit index* (NFI): nilai menghampiri 0.9 dan lebih menunjukkan skala kesahan menumpu yang baik (Bentler dan Bonett, 1980); *Comparative fit index* (CFI): nilai menghampiri 0.90 dan lebih menunjukkan skala sedimensi yang baik (Bentler, 1990); *relative fit index* (RFI): nilai menghampiri 1 menunjukkan kebagus penyusuaian yang baik (Bollen, 1986); *The Tucker-Lewis coefficient* (TLI) merupakan analisis struktur momen: Nilai menghampiri 1 menunjukkan kebagusan penyuaian yang baik (Bentler dan Bonett, 1980) dan akhirnya *root mean-square error of approximation* (RMSEA): nilai menghampiri 0.08 atau kurang untuk RMSEA menunjukkan kesesuaian penganggaran ralat (Bollen, 1989; Browne & Cudeck, 1993; Hair *et al.*, 2006; Hu & Bentler, 1999). Kajian ini akan menggunakan kesemua indeks tersebut sebagai syarat utama sesuatu model SEM diterima dan seterusnya dianalisis secara empirikal.



Nota: model diubahsuai daripada Mikami and Inoguchi, (2008)
 # hanya melibatkan responden penerima zakat

Rajah 1: Kerangka teori dan hipotesis struktur gelagat amil dan penerima zakat dalam sistem zakat.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian ini dimulakan dengan melihat secara diskriptif latarbelakang responden. Ini untuk memastikan responden yang dianalisis mempunyai ciri-ciri demografi yang baik untuk diteruskan sesuatu analisis. Jadual 3 menunjukkan pengalaman amil sebagai agen utama dalam pengurusan zakat.

Jadual 3: Pengalaman Amil

	Negeri					Jumlah	Peratusan
	Selangor	Pulau Pinang	Wilayah Persekutuan	Melaka	Terengganu		
Kurang 1 tahun	-	-	8	9	9	26	7.95
2-5 tahun	5	10	29	13	31	88	26.91
6-9 tahun	46	10	3	2	14	75	22.94
10-15 tahun	44	31	15	9	4	103	31.50
Lebih 15 tahun	14	-	13	2	6	35	10.70
Jumlah	109	51	68	35	64	327	100.00

Kajian mendapati majoriti amil mempunyai pengalaman sebagai amil antara 10 hingga 15 tahun iaitu sebanyak 31.5 peratus, diikuti antara 2 hingga 5 peratus (26.9%) dan 6 hingga 9 tahun (22.9%). Hanya 7.95 peratus amil mempunyai pengalaman kurang daripada setahun. Ini menunjukkan kajian ini mendapat respon daripada amil yang mempunyai pengalaman luas dan memahami isu-isu utama dalam pengurusan zakat.

Jadual 4: Tempoh masa menerima zakat


Tempoh	Negeri					Jumlah	Peratusan
	Selangor	Pulau Pinang	Wilayah Persekutuan	Melaka	Terengganu		
kurang 3 tahun	28	0	61	70	66	225	43.35
3-5 tahun	30	33	54	17	49	183	35.26
6-8 tahun	11	33	10	10	5	69	13.29
Lebih 8 tahun	-	35	2	5	-	42	8.09
Jumlah	69	101	127	102	120	519	100.00

Berdasarkan Jadual 4, majoriti asnaf yang menerima bantuan zakat dalam bentuk kewangan bulanan adalah dalam tempoh kurang 3 tahun iaitu sebanyak 43.3 peratus dan tempoh 3 hingga 5 tahun (35.2%) Hanya 8.09 peratus responden menerima bantuan zakat lebih 8 tahun (Lihat Jadual 1). Ini menunjukkan majoriti responden menerima bantuan zakat dalam tempoh 5 tahun iaitu sebanyak 78.5 peratus. Dalam aspek jumlah penerimaan bantuan zakat kewangan bulanan, majoriti asnaf menerima sejumlah antara RM201 hingga RM300 iaitu seramai 139 orang responden (27.2%) diikuti RM100 hingga RM200 iaitu seramai 123 orang responden (24%). Hanya 5.4 peratus responden menerima zakat melebihi RM700. Sebenarnya jumlah bantuan yang diberikan oleh pusat zakat adalah bergantung pada bilangan tanggungan di dalam sesebuah isi rumah atau *had kifayah*. Jika ramai isi rumah yang belum bekerja dan ada kemungkinan ada yang kurang upaya (OKU), maka bantuan zakat yang diterima adalah besar. Namun apa yang pasti, kajian ini menunjukkan responden asnaf adalah melibatkan kesemua peringkat jumlah bantuan zakat setiap bulan (lihat Jadual 5)

Jadual 5: Jumlah Bantuan Zakat Bulanan kepada penerima zakat

Nilai Zakat	Selangor	Pulau Pinang	Wilayah Persekutuan	Melaka	Terengganu	Jumlah	Peratusan
RM100- RM200	0	2	14	97	10	123	24.07
RM201- RM300	3	2	26	2	106	139	27.20
RM301- RM400	17	39	14	1	1	72	14.09
RM401- RM500	26	40	16	1	0	84	16.44
RM501- RM600	16	9	13	0	0	38	7.44
RM601- RM700	5	5	16	0	0	26	5.09
RM701- RM800	2	0	19	0	0	21	4.11
RM801 ke atas	0	0	7	0	0	7	1.37
Jumlah	69	98	126	101	117	511	100.00


Analisis berikutnya adalah menguji hubungan antara setiap komponen dan membandingkan antara amil dan penerima zakat. Namun begitu analisis covarian perlu dilakukan untuk memastikan setiap pembolehubah mempunyai hubungan kovarian yang signifikan antara pembolehubah.



Nota: Min Struktur tiga komponen bagi amil dan penerima zakat dalam sistem pengurusan zakat dinyatakan di atas setiap pembolehubah. Nilai atas adalah amil dan dibawah adalah penerima zakat. Pengukuran model di atas menggunakan model SEM melibatkan nilai koefisien regresi, covarian dan intersep. χ^2/df (CMIN) ($df=64$)=5.016; CFI=0.938; NFI=0.924; RFI=0.870; TLI=0.893; RMSEA=0.069. $p^{***}<0.01$. Kesemua nilai koefisien dalam CFA bagi setiap komponen adalah signifikan pada aras 0.01

Rajah 2: Perbandingan hubungan kovarian antara tiga komponen antara amil dan penerima zakat

Hasil keputusan menunjukkan terdapat kovarian yang signifikan pada aras keertian 1 peratus antara kesemua komponen yang ingin dianalisis. Perlu dimaklumkan bahawa pembolehubah perubahan sikap dan kualiti hidup tidak dianalisis kerana ia melibatkan responden amil dan tidak diminta memberi respon untuk item tersebut. Model ini juga memenuhi *kriteria goodness of fit* dimana $\chi^2/df=5.016$; CFI=0.938 dan RMSEA=0.069 dan ini membenarkan analisis regresi untuk seterusnya dilakukan.




Nota: Min Struktur tiga komponen bagi amil dan penerima zakat dalam sistem pengurusan zakat dinyatakan di atas setiap pembolehubah. Nilai atas adalah amil dan dibawah adalah penerima zakat. Pengukuran model di atas menggunakan model SEM melibatkan nilai koefisien regresi, covarian dan intersep. χ^2/df ($df=64$) =5.016; CFI=0.938; NFI=0.924; RFI=0.870; TLI=0.893; RMSEA=0.069. $**p<0.05$, $p^{***}<0.01$. Kesemua nilai koefisien dalam CFA bagi setiap komponen adalah signifikan pada aras 0.01

Rajah 3: Perbandingan nilai koefisien SEM untuk amil dan penerima zakat

Kajian mendapati pembolehubah lokalisasi pengagihan zakat adalah berhubungan positif dan signifikan mempengaruhi persepsi pengagihan zakat dan kepercayaan terhadap institusi pada aras keertian 1 peratus dan 5 peratus. Model ini juga memenuhi *kriteria goodness of fit* dimana $\chi^2/df=5.016$; CFI=0.938 dan RMSEA=0.069 dan ini mengukuhkan hasil analisis regresi. Penerangan hasil regresi adalah seperti berikut: 1 unit kenaikan persetujuan terhadap konsep lokalisasi pengagihan zakat akan meningkat sebanyak 0.208 unit kualiti pengagihan zakat pada pandangan penerima zakat dan hanya 0.055 pada pandangan amil. Sebaliknya kesan nilai koefisien persetujuan lokalisasi pengagihan zakat kepada institusi adalah tinggi kepada amil berbanding penerima zakat iaitu 0.280 berbanding 0.240.

Min persepsi antara amil dan penerima zakat juga agak berbeza. Kepercayaan kepada institusi contohnya menunjukkan min untuk amil adalah lebih tinggi berbanding penerima zakat. Min kepercayaan amil kepada JAKIM adalah 2.75, nilai 2.69 kepada baitulmal dan nilai 2.76 kepada MAIN berbanding penerima zakat masing-masing sebanyak 2.67, 2.60 dan 2.70. Ini jelas menunjukkan tahap kepercayaan kedua-dua pihak adalah tinggi terhadap institusi agama dan amil sebagai agen dan mewakili kakitangan institusi zakat mempunyai tahap kepercayaan yang lebih tinggi berbanding penerima zakat. Dalam aspek proses pengagihan zakat, juga menunjukkan tahap keyakinan amil secara relatifnya lebih tinggi berbanding penerima zakat.


Namun begitu nilai min kedua-dua pihak masih rendah iaitu menghampiri nilai 2 yang menunjukkan tahap puas hati sahaja. Perkara yang masih menunjukkan ke arah ketidakpuasan hati penerima zakat mahupun amil adalah tertumpu kepada aspek birokrasi permohonan zakat yang ketat dan jumlah bantuan yang diberi amat kecil (lihat Jadual 5) Dalam aspek persetujuan cadangan perlaksanaan konsep lokalisasi pula, tahap persetujuan kedua-dua pihak agak tinggi menunjukkan keinginan mereka mahukan cadangan konsep lokalisasi pengagihan zakat dilaksanakan untuk mengatasi masalah pengagihan zakat yang telah dibincangkan. Tahap persetujuan amil secara relatifnya lebih tinggi berbanding penerima zakat dalam aspek asnaf mudah dikenalpasti dan tranparensi serta kepercayaan kepada institusi dimana min masing-masing bernilai 4.23 dan 4.14 berbanding penerima zakat (nilai min adalah 4.11 dan 4.13). Hanya aspek perhubungan dan politik yang memberikan min tahap persetujuan penerima zakat yang tinggi berbanding amil yang menunjukkan aspek ini amat penting kepada penerima zakat sekiranya konsep lokalisasi dilaksanakan.



Nota: Min Struktur lima komponen bagi penerima zakat di kesemua lima negeri dalam sistem pengurusan zakat dinyatakan di atas setiap pemboleh ubah. Pengukuran model di atas menggunakan model SEM melibatkan nilai koefisien regresi, kovarian dan intersep. χ^2/df ($df=133$)=4.382; CFI=0.914; NFI=0.893; RFI=0.847; TLI=0.877; RMSEA=0.08. ** $p < 0.05$, *** $p < 0.01$. Kesemua nilai koefisien dalam CFA bagi setiap komponen adalah signifikan pada aras 0.01

Rajah 4: Perbandingan hubungan kovarian antara lima komponen untuk penerima zakat

Kajian mendapati kovarian antara kesemua pemboleh ubah pendam adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus. Kovarian antara pemboleh ubah lokalisasi pengagihan zakat dengan persepsi pengagihan zakat dan kualiti hidup adalah positif dan signifikan pada aras keertian 1 peratus menunjukkan sekiranya konsep lokalisasi diterima, persepsi pengagihan zakat dan kualiti hidup asnaf akan meningkat. Model ini juga mempunyai *goodness of fit* yang baik dengan CFI=0.914; $\chi^2/df=4.382$ dan RMSEA=0.08.



Nota: Min Struktur lima komponen bagi penerima zakat di kesemua lima negeri dalam sistem pengurusan zakat dinyatakan di atas setiap pemboleh ubah. Pengukuran model di atas menggunakan model SEM melibatkan nilai koefisien regresi, kovarian dan intersep. χ^2/df ($df=142$)=4.678; CFI=0.900; NFI=0.878; RFI=0.836; TLI=0.867; RMSEA=0.08. ** $p < 0.05$, *** $p < 0.01$. Kesemua nilai koefisien dalam CFA bagi setiap komponen adalah signifikan pada aras 0.01

Rajah 5: Perbandingan nilai koefisien SEM untuk penerima zakat

Hasil kajian mendapati semua nilai koefisien adalah berhubung positif kecuali kualiti hidup asnaf dan kepercayaan institusi yang berhubung negatif. Kesemua nilai koefisien adalah signifikan pada aras keertian 1 peratus. Kajian juga menunjukkan sekiranya lokalisasi pengagihan zakat dilaksanakan, kualiti hidup asnaf dijangkakan akan meningkat dimana 1 unit kenaikan dalam persetujuan lokalisasi akan meningkatkan kualiti hidup sebanyak 0.348 unit. *Goodness of fit* model juga adalah baik dimana $\chi^2/df=4.678$; CFI=0.90 dan RMSEA=0.08. Apa yang menarik untuk dibincangkan ialah komponen sikap asnaf dan kualiti hidup asnaf sebagai output kepada sistem pengagihan zakat. Kajian mendapati kualiti hidup asnaf secara keseluruhannya adalah rendah. Ini dilihat kepada min setiap kualiti hidup golongan fakir dan miskin dimana hanya kualiti hidup penyertaan sosial yang agak tinggi iaitu nilai 2.22

berbanding pakaian dan makanan (2.01), perumahan dan perlindungan (2.0), kesihatan dan perubatan (1.95) dan akhirnya pengangkutan dan perhubungan (1.85). Kualiti hidup kesihatan dan perubatan serta pengangkutan dan perhubungan bagi asnaf fakir dan miskin adalah di bawah nilai min purata 2 menunjukkan mereka tidak berpuas hati terhadap kedua-dua aspek ini. Malah kemudahan paling asas seperti makanan dan minuman serta perumahan juga adalah ditahap purata sahaja juga menggambarkan kualiti hidup asas yang masih rendah. Kualiti hidup perumahan adalah penyumbang terbesar dari aspek faktor muatan atau nilai koefisien yang tertinggi berbanding kualiti hidup lain terhadap kualiti hidup keseluruhan. Manakala dalam aspek sikap asnaf fakir dan miskin pula menunjukkan asnaf secara umumnya ingin berubah menjadi pembayar zakat di masa hadapan dan tidak selama-lamanya menjadi penerima zakat. Nilai min ingin berubah sikap ialah 1.16 dan berminat memohon modal zakat perniagaan pula bernilai 1.76 menunjukkan golongan ini berminat mengubah hidup mereka menjadi usahawan seperti yang dianjurkan oleh institusi zakat negeri.

Jika dilihat pengaruh kualiti hidup terhadap sikap asnaf didapati 1 unit kenaikan kualiti hidup akan meningkatkan kesedaran sikap asnaf sebanyak 0.629 unit dan signifikan pada aras keertian 1 peratus. Peningkatan kualiti hidup asnaf juga dipengaruhi oleh tahap pendidikan dan tingkat pendapatan dan masing-masing berhubungungan positif dan signifikan pada aras keertian 1 peratus. Kajian ini mendapati dalam usaha meningkatkan kesedaran sikap asnaf untuk berubah menjadi pembayar zakat, bergantung secara signifikan kepada tahap kualiti hidup mereka. Manakala strategi untuk meningkatkan kualiti hidup mereka berkemungkinan memerlukan perlaksanaan konsep lokalisasi pengagihan zakat kerana kedua-dua pembolehbah ini berhubungungan secara positif dan signifikan pada aras keertian 1 peratus. 1 unit kenaikan dalam tahap persetujuan asnaf melaksanakan lokalisasi pengagihan zakat akan meningkatkan kualiti hidup mereka sebanyak 0.348 unit.

CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Berdasarkan kajian ini beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh pihak institusi zakat. Kepercayaan kepada institusi Islam menjalankan peranan masing-masing masih dianggap kurang meyakinkan di kalangan penerima zakat mahupun amil. Malah peranan baitulmal negeri dianggap kurang berperanan secara relatifnya berbanding JAKIM dan MAIN. Oleh itu institusi baitulmal perlu mempertingkatkan lagi usaha peranan mereka terutamanya dalam menguruskan zakat, waqaf dan sebagainya agar masyarakat memberikan sepenuh kepercayaan terhadap institusi ini. Perlu diingatkan peranan sesebuah institusi amat penting dalam melaksanakan sesuatu dasar dalam sesebuah sistem. Ini juga berkemungkinan menunjukkan institusi baitulmal perlu meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dan pentadbiran dan akhirnya akan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap peranan mereka menguruskan zakat. Ini berkemungkinan akhirnya akan meningkatkan keyakinan pembayar zakat, meningkatkan jumlah kutipan dan mengurangkan bocoran dalam kutipan zakat seperti yang dikatakan berlaku masa kini (lihat Sanep et al.2005a). Kajian ini menunjukkan apabila kepercayaan kepada institusi meningkat, ia berkemungkinan akan meningkatkan kepercayaan proses pengagihan zakat.

Persepsi terhadap proses pengagihan zakat secara umumnya adalah pada tahap berpuas hati di kalangan amil serta penerima zakat. Isu pengagihan yang perlu diberi perhatian oleh institusi zakat ialah masalah birokrasi dalam proses permohonan zakat serta jumlah bantuan zakat yang diberikan samada bersifat bulanan ataupun tahunan. Maklumat pengagihan zakat pula menunjukkan min yang tinggi menggambarkan masyarakat berpuas hati terhadap maklumat pengagihan zakat yang telah dilakukan oleh institusi. Maklumat melalui pamflet, siaran

televisyen, papan iklan besar menunjukkan peranan proaktif institusi menyebarkan maklumat agar masyarakat Islam lebih yakin dengan peranan mereka. Kemungkinan pihak institusi zakat perlu menyelesaikan masalah yang telah dinyatakan terutamanya aspek birokrasi dan jumlah bantuan zakat dengan cadangan melaksanakan konsep lokalisasi (Muhammad Syukri, 2006) yang akan dibincangkan kemudian. Kajian ini menunjukkan peningkatan proses pengagihan zakat akan meningkatkan lagi keberkesanan pengagihan zakat kepada golongan sasaran asnaf terutamanya golongan fakir dan miskin.

Kualiti hidup asnaf dan perubahan sikap asnaf merupakan antara objektif yang penting dalam proses pengagihan zakat kerana ia lebih kepada isu keberkesanan pengagihan zakat. Namun kajian ini mendapati kualiti hidup keseluruhan asnaf fakir dan miskin masih lagi kurang memuaskan terutamanya aspek kesihatan dan pengangkutan. Masalah kualiti hidup perumahan asnaf juga perlu diberikan perhatian memandangkan ia adalah keperluan asas kehidupan manusia. Perubahan sikap asnaf juga perlu diberikan perhatian agar mereka sentiasa berfikir ingin mengubah nasib hidup mereka dan juga generasi keturunan mereka agar tidak selama-lamanya miskin dan menjadi penerima bantuan zakat. Tindakan institusi zakat memperkenalkan pelbagai latihan keusahawanan patut dipuji agar sedikit sebanyak asnaf akan berubah pemikiran mereka menjadi ke arah yang lebih positif. Kajian mendapati ramai asnaf ingin berubah dan ingin menyahut cabaran menjadi usahawan melalui modal zakat, namun pemantauan yang berterusan dan pelaksanaan proses pemberian model perlu lebih sistematik. Ini kerana terdapat kajian menunjukkan ramai usahawan asnaf gagal dalam perniagaan yang diceburi (lihat Rosbi et al, 2008). Kajian ini mendapati apabila sikap asnaf berubah ke arah positif, kualiti hidup mereka juga akan meningkat secara signifikan. Oleh itu tumpuan ke arah mengubah sikap asnaf perlu dijadikan agenda penting oleh institusi zakat. Perubahan sikap berlaku disebabkan dua faktor; pertamanya nilai keagamaan yang dipegang oleh mereka (lihat Hairunnizam et.al, 2010b) dan keduanya motivasi diri melalui ceramah motivasi, latihan keusahawanan dan sebagainya. Malah kajian Hairunnizam et al (2010b) mencadangkan lokalisasi pengagihan zakat sebenarnya menitik beratkan tanggungjawab amil membangunkan diri asnaf di peringkat lokaliti tertentu. Ini akan meningkatkan lagi keberkesanan program yang dilaksanakan oleh institusi zakat.

Lokalisasi pengagihan zakat merupakan satu cadangan Muhammad Syukri (2006) sebagai alternatif penyelesaian kepada permasalahan semasa pengagihan zakat. Walaupun kajian tersebut lebih bersifat teoritis, namun kajian ini cuba menguji secara empirik cadangan perlaksanaannya. Berbeza dengan kajian Muhammad Syukri (2006), kajian ini menghubungkan lima komponen utama dalam sistem zakat termasuklah aspek lokalisasi pengagihan zakat. Kajian ini percaya masalah pengagihan zakat adalah bersifat makro dan perlu dilihat dalam perspektif yang luas dan melibatkan gelagat manusia dan masyarakat yang begitu kompleks. Kajian ini berjaya membuktikan lokalisasi pengagihan zakat sekiranya dilaksanakan, ia akan memberi kesan sekurang-kurangnya menambahbaikkan proses pengagihan zakat oleh institusi zakat negeri sedia ada. Ia bukan bermaksud menghapuskan peranan institusi zakat negeri tetapi meningkatkan lagi kecekapan pengagihan dengan mewujudkan satu cabang institusi dan menurunkan kuasa pengagihan zakat di peringkat mukim agar proses birokrasi permohonan dan pengagihan zakat dapat dikurangkan. Lokalisasi zakat bukan sahaja memudahkan proses pengagihan zakat, malah lebih utama lagi melantik amil mukim secara tetap dan profesional, bekerja sepanjang masa merangka program pembangunan asnaf dalam aspek keagamaan dan juga motivasi diri asnaf. Program ini dijangkakan berbeza bagi setiap mukim berdasarkan latarbelakang asnaf, sosio-budaya, penempatan dan sebagainya yang berbeza. Kajian ini percaya sekiranya amil mukim tertentu dapat melaksanakan tanggungjawab tersebut secara khusus di mukim masing-masing,

mengenali dan mudah menziarahi asnaf dengan lebih dekat dan mesra, tiada pengaruh politik kerana status amil yang menjalankan amanah dari Allah s.w.t, kesan proses pengagihan zakat dijangkakan akan memberi impak yang signifikan dan mapan kepada sistem zakat.

KESIMPULAN

Lokalisasi pengagihan zakat merupakan satu alternatif penyelesaian kepada masalah semasa pengagihan zakat. Namun sebarang penyelesaian masalah zakat perlu dilihat daripada perspektif sistem pengurusan zakat itu sendiri yang terdiri daripada institusi zakat dan amil, penerima zakat serta pembayar zakat. Konsep ini akan berjaya sekiranya wujud kesedaran dan tanggungjawab yang berterusan daripada pihak amil yang akan menggalas cabaran meningkatkan kecekapan pengagihan zakat dan mengatasi sebarang masalah yang wujud dalam proses pengagihan tersebut. Konsep lokalisasi perlu dilihat kepada perspektif yang luas iaitu bukan sahaja memastikan dana zakat sampai kepada asnaf, malah lebih penting lagi membangunkan potensi asnaf agar mereka akan menyahut cabaran ingin melakukan perubahan dalam diri mereka mengikut lokaliti dan mukim atau komuniti tertentu. Ini akhirnya akan menambahbaikkan sistem pengurusan zakat di Malaysia amnya dan dunia Islam khususnya.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Muhammad, (1993), *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul-Wahab, Mohamed et al., (1995) "Malaysia" (A Case study of Zakat Management), in: el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, Jeddah, IRTI/ IDB, p. 297-378.
- Aidit Ghazali (1989). Fenomenon pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi: satu analisis empirik. Dalam Mohd Ali Baharum (eds.) *Zakat ditinjau dari perspektif sosial, undang-undang dan taksiran*. Kuala Lumpur: Dunia Press Sdn. Bhd.
- Ajeel, Abd Al Qader Dahi (1995). Kuwait. In in: el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, Jeddah, IRTI/ IDB p. 259-295
- Ajwad, M.I & Wodon, Q. (2007). Do local Governments maximize access rates to public services across areas? A test based on marginal benefit incidence analysis. *The Quarterly Review of Economics and Finance*. 47 (2007) 242–260
- Alatas V, Pritchett L and Wetterberg A (2003) Voice lessons: Local Government Organizations, Social organizations, and the quality of Local Governance. Policy Research Working Paper 2981 The World Bank. 2003.
- Alderman H. (2002). Do local officials know something we don't? Decentralization of targeted transfers in Albania. *Journal of Public Economics* 83 (2002) 375–404
- Anuar Muhamad, (2008). Perception Of Academicians Toward Zakat Administration Particularly Zakat Distribution: The Case Of Selangor And Kelantan. IIUM. Unpublished
- Bentler, P.M. & Bonett, D.G. (1980). Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological Bulletin*, 88, 588–606.

- Bentler, P.M. (1990). Comparative Fit Indexes in Structural Models. *Psychological Bulletin*, 107(2):238-246
- Bentler, P.M. & Bonett, D.G. (1980). Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological Bulletin*, 88, 588–606.
- Bonett, D.G. (2002). Sample Size Requirements for Testing and Estimating Coefficient Alpha. *Journal of Educational and Behavioral Statistics*, Vol. 27, No. 4 (Winter, 2002), pp. 335 -340
- Browne, M.W., & Cudeck, R. (1993). Alternative ways of assessing model fit, in *Testing structural equation models*. K.A. Bollen and J.S. Long, (Eds.) Newbury Park, CA: Sage, 136-62.
- Bryne, B.M. (2001). *Structural Equation Modeling with AMOS: Basic Concepts, Applications and Programming*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Chapra, M.U. (1992). *Islam and the Economic Challenge*. Leicester, U.K.: The Islamic Foundation
- Cronbach L.J And Meehl P.E. (1955). Construct Validity In Psychological Tests. *Psychological Bulletin*, 52, 281-302.
- Crook R and Manor J. (2000). Democratic Decentralization. *OECD Working Paper Series* No. 11. Summer 2000 The World Bank Washington, D.C.
- Faguet J.P (2004). Does Decentralization Increase Government Responsiveness To Local Needs? Evidence From Bolivia. *Journal of Public Economics* **88**. (2004) **867– 893**
- Faguet, J.P. (2000) Decentralization and Local Government Performance: Improving Public Services Provision in Bolivia. *Revista de Economia del Rosario*. **Vol. 3, No. 1, 2000**.
- Gurgur, T and Shah. A (2002). Localization and corruption: Panacea or pandora’s box? In *Managing Fiscal Decentralization*, ed. Ehtisham Ahmad, and Vito Tanzi. New York: Routledge
- Hair F.J, Black W.C, Babin B.J, Anderson, R.E & Tatham, R.L. (2006). *Multivariate Data Analysis*. 6th edition. United States: Prentice Hall
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor, (2004). Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, **1 (1)**. **151-166**
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor dan Sanep Ahmad. (2005). Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya? *International Jurnal of Management Studies*. **12(2): 171-189**
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. 2007. Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat* **29 (2007): 53-70**.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad and Radiah Abdul Kader. 2009. Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuashati? *Jurnal Syariah*. **17 (1) 2009: 89-112**
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2010a. Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. **4(1) 2010: 141-170**
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2010b. Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap kepuasan Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin.

- dalam Nor Aini Hj Idris et.al (penyt.) Prosiding Seminar Kebangsaan MACFEA ke 14. Halatuju Penyelidikan Kepenggunaan: Isu dan Cabaran . pp. 480-499.
- Hassan M.K & Khan J.M. (2007). Zakat, External Debt and Poverty Reduction Strategy in Bangladesh. *Journal Of Economic Cooperation*. **28** (4) 1-38.
- Hankla C.R (2008). When is Fiscal Decentralization Good for Governance? *Publius: The Journal of Federalism*. **1-19**
- Henandez-Trillo, F & Jarillo-Rabling, B. (2008). Is Local Beautiful? Fiscal Decentralization in Mexico. *World Development*. **36(9)**: 1547–1558
- Hu, L., & Bentler, P. M. (1999). Cut off criteria for fit indexes in covariance structure analysis: Conventional criteria versus new alternatives. *Structural Equation Modeling*, 6(1), 1-55.
- Khaf, Monzer (1995a). Zakat: Unsolved Issues in contemporary Fiqh. In Sadeq et. al (eds.) *Development and Finance in Islam*. Kuala Lumpur: Zafar Press Pte. Ltd.
- Khaf, Monzer (1995b). Applied Institutional Models For Zakat Collection and Distribution in Islamic Countries and Communities. in: el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, Jeddah, IRTI/ IDB p. 197-228
- Khaf, Monzer (1999). The performance of the institution of zakat in Theory and practice. International conference on Islamic economics towards the 21st Century, Kuala Lumpur, April 26-30, 1999.
- Larson, A.M. (2002). Natural Resources and Decentralization in Nicaragua: Are Local Governments up to the Job? *World Development*. 30(1): 17-31.
- Mannan M.A. (2003). Public Sector Management of Zakat in Hannan S.A (eds.). *Zakat and Poverty Alleviation*. Dhaka: Islamic Economics Research Bureau.
- Mikami S and Inoguchi T (2008). Legitimacy and effectiveness in Thailand, 2003–2007: perceived quality of governance and its consequences on political beliefs. *International Relations of the Asia-Pacific*. Volume 8 (2008) 279–302
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor (2004) Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat*. **26(2)**: 59-68
- Mohamed Dahan Abdul Latif (1998) Zakat management and administration in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: satu Cadangan Teoritis. dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt). *Zakat: Pensiariatan, Perekonomian & Perundangan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mujaini Tarimin (2005) *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Nik Mustapha Nik Hassan (1991). Zakat in Malaysia: Present and Future Status. In Sadeq et. al (eds.) *Development and Finance in Islam*. Kuala Lumpur: Zafar Press Pte. Ltd
- Oates W. (1972). *Fiscal federalism*. New York: Harcourt, Brace and Jovanovich
- Qardawi Y. (1996). *Hukum zakat-studi komparatif mengenai status dan filasafat zakat berdasarkan Quran dan hadis*. (Terj.) Salman Harun et.al. Indonesia: Penerbit Litera AntarNusa

- Qardawi, Y (1999). *Fiqh Az-Zakat: A Comparative study*. London: Dar Al Taqwa Ltd
- Radiah Abdul Kader, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad (2010) Faktor Penentu Terhadap Cadangan Lokalisasi Pengagihan Zakat: Pendekatan Analisis Pengesahan Faktor (CFA). dalam Mariani Abdul Majid et.al (penyt.) Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke V 2010: Inovasi dan Pertumbuhan Ekonomi. Jilid II pp. 88-103.
- Rosbi Abdul Rahman, Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2008. Pelaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan. dalam Abdul Ghafar et.al (penyt) Pascasidang Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke III 2008. hlm 450-459
- Sadeq, A.H.M. (1988). Islamic perspective on Monetary and Fiscal Policies and their Implications on Economic Development. *Analisis*. **3 (1&2): 123-140**
- Sanep dan Hairunnizam (2005a). Persepsi Agihan Zakat dan kesannya Terhadap pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. **39 (2005): 53-69**.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005b) Persepsi dan Faktor Penentu Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta Yang Diikhtilaf, *Islamiyyat* **27(1).45-65**
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005c) Kesiediaan Berkongsi Kekayaan dan Kebahagiaan: Kajian Kes Bayaran Zakat bagi Harta yang diikhtilaf dalam Abd Hair Awang et.al (penyt) Prosiding Persidangan Kebangsaan Ke-2 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran. Kajang: Pusat Fotokopi Kajang hlm 373-383
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad (2006). Pensiwaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* **13 (2), 175-196**.
- Schneider A. (2003). Who Gets What from Whom? The Impact of Decentralization on Tax capacity and Pro-Poor Policy. *IDS Working Paper 179*, Institute of Development Studies, France.
- Shah A and Thompson T (2004). Implementing Decentralized Local Governance: A Treacherous Road with Potholes, Detours and Road Closures. *World Bank Policy Research Working Paper 3353*, June 2004
- Syed Husin Ali (1978). *Kemiskinan dan kelaparan tanah di Kelantan: Satu Penyelidikan Sosio-Ekonomi Kelantan*. Petaling Jaya: Karangraf.
- Tiebout (1956). A pure theory of local expenditure. *Journal of Political Economy* 64: 416–424
- Treisman (2007). Political decentralization and economic reform: A game theoretical analysis. *American Journal of Political Science* 43 (2): 488–517
- Tugrul G. dan Shah A. (2002) Localization and corruption: Panacea or pandora's box? In *Managing Fiscal Decentralization*, ed. Ehtisham Ahmad, and Vito Tanzi. New York: Routledge
- Unit Perancang Ekonomi (2002) *Kualiti Hidup Malaysia 2002*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad
- Van de Walle, S and Bouckaert, G (2003). Public service performance and trust in governance: The problem of causality. *International Journal of Public Administration* 26 (8): 891–914.

- Vigoda, E and Yuval, F (2003). Managerial quality, administrative performance, and trust in governance: Can we point to causality? *Australian Journal of Public Administration* 62 (3): 12–25.
- Vigoda, E (2006). Citizens' Perceptions of Politics and Ethics in Public Administration: A Five-Year National Study of Their Relationship to Satisfaction with Services, Trust in Governance, and Voice Orientations. *Journal of Public Administration Research and Theory*. 17:285–305
- Welch, E.W. 2005. Linking citizen satisfaction with e-government and trust in government. *Journal of Public Administration Research and Theory* 15 (3): 371–91.
- Wess. H. (2002). Reorganizing Social Welfare among Muslims: Islamic Voluntarism and Other Forms of Communal Support in Northern Ghana. *Journal of Religion in Africa*. 32(1)
- Williamson, O.E. 2000. The New Institutional Economics: Taking Stock, Looking Ahead. *Journal of Economic Literature*, 38(3): 595-613
- Zayas F.G. (2003). *The Law and Institution of Zakat*.(Terj). Kuala Lumpur: The Other Press.